

24 JUL 1999  
LID-Botswana  
PEMIMPIN BOTSWANA TIBA UNTUK LID

LANGKAWI, 24 Julai (Bernama) -- Pemimpin-pemimpin ekonomi baru muncul tiba di sini, hari ini, untuk menghadiri Dialog Antarabangsa Langkawi (LID) Keempat untuk mempelajari pengalaman Malaysia dalam menguruskan krisis kewangan.

Mereka dijangka mengambil pendirian bersama dalam menangani masalah ekonomi dan kewangan di masa depan.

Presiden Botswana Festus Gontebanye Mogae yang tiba hari ini memberitahu BERNAMA bahawa negara-negara sedang membangun terutama dari Afrika, berharap mempelajari bagaimana Asia Tenggara mengurus krisis ekonomi melalui pelaksanaan langkah-langkah pemulihan.

"Botswana secara khususnya berminat mempelajari dari Malaysia pengalaman mengurus ekonomi dan krisis kewangan," kata Mogae yang ketibaannya disambut oleh pengerusi Kumpulan Industri bagi Teknologi Tinggi Kerajaan-Swasta Malaysia (MIGHT), Tan Sri Omar Abdul Rahman, iaitu penganjur bersama LID '99 dan Commonwealth Partnership for Technology Management (CPTM), London.

Katanya, beliau ingin mengetahui pengalaman Asia mengelak krisis seumpama itu dan cara negara-negara Afrika boleh menangani krisis ekonomi serupa, yang banyak boleh ditawarkan oleh Malaysia.

"Apa yang telah berlaku di Asia Tenggara juga mempunyai implikasi terhadap pasaran baru muncul terutama ekonomi Afrika yang lemah dan lebih kecil," katanya.

Ditanya sama ada Botswana akan membangkitkan cadangan tertentu pada LID '99, Mogae berkata beliau akan membabitkan diri secara aktif dalam perbincangan dan belajar dari situ mengenai apa yang boleh dilakukan berhubung pengurusan krisis ekonomi.

Lebih kurang 300 kakitangan kerajaan dan pemimpin-pemimpin perniagaan daripada negara-negara Komanwel dan yang lain akan menyertai dialog empat hari itu yang bermula esok.

Di samping Mogae, pemimpin-pemimpin lain yang akan menghadirinya ialah Presiden Ghana John Atta-Mills, Presiden Namibia Dr Sam Nujomo, Presiden Sudan Lt Gen Omar Hassan Ahmad, King Mswati III dari Swaziland, Presiden Zimbabwe Dr Robert G. Mugabe, Perdana Menteri Lesotho P.B. Mosisili, Presiden Mauritius Cassam Uteem dan Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Tema tahun ini ialah "Menguruskan Pemulihan Ekonomi Bagi Kemakmuran Yang Dikongsi - Pendekatan Perkongsian Bestari."

LID '99 dianjurkan oleh Commonwealth Partnership for Technology Management Ltd (CPTM) dan Might.

Presiden Sudan Lt Gen Omar Hassan Ahmad berkata, dialog itu penting memandangkan dunia memasuki era baru globalisasi yang penuh dengan rintangan dan ketidakpastian.

Beliau berkata, negara itu mahu mempelajari bagaimana menggunakan konsep perkongsian bestari dalam menangani krisis ekonomi.

Presiden Mozambique Joaquim Alberto Chissano berkata walaupun beliau belajar mengenai perkongsian bestari awak lewat sedikit, beliau menyatakan keyakinannya dalam mengikuti dialog itu.

Sementara ini lawatan pertama beliau ke Langkawi untuk menghadiri dialog, Chissano berkata beliau telah mengambil bahagian dalam semua Dialog Antarabangsa Selatan Afrika (SAID) yang lebih kurang sama dengan LID.

Beliau berkata, kerajaannya telah memulakan konsep perkongsian bestari

dalam wilayah-wilayah dengan menganjurkan dialog-dialog tempatan dan memudahkan lebih banyak pertumbuhan ekonomi kualitatif.

Raja Mswati III dari Swaziland berkata beliau menjangka perbincangan di LID bermakna dan boleh dimanfaatkan oleh negara-negara Afrika.

Beliau berkata, mereka akan bincangkan pelbagai isu mengenai perkara itu dan akan mengambil tindakan di mana perlu.

"Kita menjangka bekerjasama secara harmoni supaya kita dapat menarik pelabur. Kita mahu melihat pelabur Asia Tenggara menumpukan perhatian pada negara-negara Selatan Afrika yang sesuai bagi mereka," katanya.

-- BERNAMA

TEam PR